



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

SELASA, 19 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>JKM TERIMA PERUNTUKAN RM35.8 JUTA HADAPI BANJIR TAHUN INI</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/jkm-terima-peruntukan-rm35-8-juta-hadapi-banjir-tahun-ini/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/jkm-terima-peruntukan-rm35-8-juta-hadapi-banjir-tahun-ini/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/640259/berita/nasional/rm358-juta-hadapi-mtl-tahun-ini---nancy">https://www.sinarharian.com.my/article/640259/berita/nasional/rm358-juta-hadapi-mtl-tahun-ini---nancy</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mtl-kerajaan-peruntuk-rm35-8-juta-kepada-jkm">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mtl-kerajaan-peruntuk-rm35-8-juta-kepada-jkm</a>	BERITA.RTM.GOV.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2255264">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2255264</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://thesun.my/cerita/kerajaan-peruntuk-rm358-juta-kepada-jkm-hadapi-monsoon-timur-laut-2023-2024-AA11880981">https://thesun.my/cerita/kerajaan-peruntuk-rm358-juta-kepada-jkm-hadapi-monsoon-timur-laut-2023-2024-AA11880981</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/18/govt-allocates-rm35mil-to-deal-with-floods-during-north-east-monsoon">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/18/govt-allocates-rm35mil-to-deal-with-floods-during-north-east-monsoon</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://themalaysianreserve.com/2023/12/18/govt-allocates-rm35-8m-to-deal-with-floods-during-north-east-monsoon/">https://themalaysianreserve.com/2023/12/18/govt-allocates-rm35-8m-to-deal-with-floods-during-north-east-monsoon/</a>	THEMALAYSIANRESERVE.COM
	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news_disaster.php?id=2255283">https://www.bernama.com/en/general/news_disaster.php?id=2255283</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://selangorjournal.my/2023/12/govt-allocates-rm35-8-mln-to-deal-with-northeast-monsoon-floods/">https://selangorjournal.my/2023/12/govt-allocates-rm35-8-mln-to-deal-with-northeast-monsoon-floods/</a>	SELANGORJOURNAL.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1042049/rm358-juta-diperuntuk-untuk-banjir">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1042049/rm358-juta-diperuntuk-untuk-banjir</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/12/18/jkm-diperuntuk-rm35-8-juta-hadapi-monsoon-timur-laut/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/12/18/jkm-diperuntuk-rm35-8-juta-hadapi-monsoon-timur-laut/</a>	HARAKAHDAILY.NET
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=wnNIKtkkWTg">https://www.youtube.com/watch?v=wnNIKtkkWTg</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/18/jkm-terima-peruntukan-rm35-8-juta-hadapi-banjir-tahun-ini/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/18/jkm-terima-peruntukan-rm35-8-juta-hadapi-banjir-tahun-ini/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/local_news/govt-allocates-rm358m-to-deal-with-floods-during-north-east-monsoon-BA11881055">https://thesun.my/local_news/govt-allocates-rm358m-to-deal-with-floods-during-north-east-monsoon-BA11881055</a>	THESUN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>SATU PPS DI KELANTAN DITUTUP, MANGSA BANJIR MENURUN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1190578/satu-pps-di-kelantan-ditutup-mangsa-banjir-menurun">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1190578/satu-pps-di-kelantan-ditutup-mangsa-banjir-menurun</a>	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t @ kpwkm

19/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>DAKWAAN TIPU UNTUK DAPATKAN BANTUAN BANJIR DISIASAT</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1042032/dakwa-an-tipu-untuk-dapatkan-bantuan-banjir-disiasat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1042032/dakwa-an-tipu-untuk-dapatkan-bantuan-banjir-disiasat</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/kpwkm-serah-kepada-pkob-laksanakan-pemutihan-untuk-kesan-penipuan-banjir-di-pps/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/kpwkm-serah-kepada-pkob-laksanakan-pemutihan-untuk-kesan-penipuan-banjir-di-pps/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/12/18/lebih-penting-pastikan-keselamatan-mangsa-banjir/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/12/18/lebih-penting-pastikan-keselamatan-mangsa-banjir/</a>	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>MINISTRY TO CONTINUE TO EMPOWER WOMEN, ASSURES MINISTER</b>	
	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/12/18/ministry-to-continue-to-empower-women-assures-minister/">https://www.theborneopost.com/2023/12/18/ministry-to-continue-to-empower-women-assures-minister/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://suarasarawak.my/program-hebat-bantu-jana-ekonomi-6208-wanita/">https://suarasarawak.my/program-hebat-bantu-jana-ekonomi-6208-wanita/</a>	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>WANITA DIARAH JALANI KHIDMAT MASYARAKAT 240 JAM KERANA TINGGAL ANAK TANPA JAGAAN</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-diarah-jalani-khidmat-masyarakat-240-jam-kerana-tinggal-anak-tanpa-jagaan-450591">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-diarah-jalani-khidmat-masyarakat-240-jam-kerana-tinggal-anak-tanpa-jagaan-450591</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/640238/berita/semasa/wanita-abai-tiga-anak-diperintah-berkelakuan-baik">https://www.sinarharian.com.my/article/640238/berita/semasa/wanita-abai-tiga-anak-diperintah-berkelakuan-baik</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1190456/wanita-abai-tiga-anak-dikenakan-bon-berkelakuan-baik-perintah">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1190456/wanita-abai-tiga-anak-dikenakan-bon-berkelakuan-baik-perintah</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/18/women-ordered-to-do-240-hours-of-community-service-for-neglecting-children">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/18/women-ordered-to-do-240-hours-of-community-service-for-neglecting-children</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/12/991918/woman-ordered-do-240-hours-community-service-neglecting-children">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/12/991918/woman-ordered-do-240-hours-community-service-neglecting-children</a>	NST.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>GURU AGAMA DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP 5 PELAJAR LELAKI</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1190523/guru-agama-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-5-pelajar-lelaki">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1190523/guru-agama-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-5-pelajar-lelaki</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/18/five-people-questioned-in-rape-threat-of-teen-probe-in-shah-alam">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/18/five-people-questioned-in-rape-threat-of-teen-probe-in-shah-alam</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/18/guru-agama-tidak-mengaku-amang-seksual-lima-pelajar/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/18/guru-agama-tidak-mengaku-amang-seksual-lima-pelajar/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/guru-agama-tidak-mengaku-amang-seksual-5-pelajar/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/guru-agama-tidak-mengaku-amang-seksual-5-pelajar/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://malysiagazette.com/2023/12/18/ustaz-tak-mengaku-salah-cabul-lima-pelajar/">https://malysiagazette.com/2023/12/18/ustaz-tak-mengaku-salah-cabul-lima-pelajar/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2023/12/991912/police-recorded-five-statements-school-rape-threat-case">https://www.nst.com.my/news/nation/2023/12/991912/police-recorded-five-statements-school-rape-threat-case</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/18/ama-ng-seksual-5-pelajar-lelaki-guru-agama-didakwa/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/18/ama-ng-seksual-5-pelajar-lelaki-guru-agama-didakwa/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=iia4TZB55Tk">https://www.youtube.com/watch?v=iia4TZB55Tk</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1042004/ustaz-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-lima-pelajar-lelaki">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1042004/ustaz-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-lima-pelajar-lelaki</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>TIDAK MENGAKU AMANG SEKSUAL RAKAN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1042011/tidak-mengaku-amang-seksual-rakan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1042011/tidak-mengaku-amang-seksual-rakan</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>DAKWAAN GANGGUAN SEKSUAL: PEGUAM TUNGGU HASIL SIASATAN</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/dakwa-an-gangguan-seksual-peguam-tunggu-hasil-siasatan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/dakwa-an-gangguan-seksual-peguam-tunggu-hasil-siasatan/</a>	UTUSAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

19/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>BAPA DAKWA ANAK DIGANGGU SEKSUAL PELAJAR AUTISTIK</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/18/bapa-dakwa-anak-diganggu-seksual-pelajar-autistik/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/18/bapa-dakwa-anak-diganggu-seksual-pelajar-autistik/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/12/18/ugut-rogol-polis-rakam-keterangan-pelajar-tingkatan-2/">https://malaysiagazette.com/2023/12/18/ugut-rogol-polis-rakam-keterangan-pelajar-tingkatan-2/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ugutan-rogol-polis-panggil-pelajar-tingkatan-2-untuk-rekod-keterangan-450501">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ugutan-rogol-polis-panggil-pelajar-tingkatan-2-untuk-rekod-keterangan-450501</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1190400/gangguan-seksual-polis-rakam-keterangan-suspek-yang-juga-pelajar">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1190400/gangguan-seksual-polis-rakam-keterangan-suspek-yang-juga-pelajar</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/640250/berita/semasa/gangguan-seksual-pelajar-sekolah-polis-analisis-rakaman-cctv">https://www.sinarharian.com.my/article/640250/berita/semasa/gangguan-seksual-pelajar-sekolah-polis-analisis-rakaman-cctv</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1041837/kes-gangguan-seksual-pelajar-sekolah-polis-rakam-percakapan-suspek-hari-ini">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1041837/kes-gangguan-seksual-pelajar-sekolah-polis-rakam-percakapan-suspek-hari-ini</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/18/shah-alam-cops-probe-rape-threats-harassment-received-by-teen-girl">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/18/shah-alam-cops-probe-rape-threats-harassment-received-by-teen-girl</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/18/man-claims-daughter-harassed-by-autistic-schoolmate/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/18/man-claims-daughter-harassed-by-autistic-schoolmate/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/213914/malaysia/national/school-student-sexual-harassment-case-police-analyse-cctv-recordings">https://www.sinardaily.my/article/213914/malaysia/national/school-student-sexual-harassment-case-police-analyse-cctv-recordings</a>	SINARDAILY.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/18/pelajar-perempuan-diugut-rogol-dipukul-rakan-sekolah/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/18/pelajar-perempuan-diugut-rogol-dipukul-rakan-sekolah/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/640161/berita/semasa/ugutan-rogol-polis-panggil-pelajar-tingkatan-dua-untuk-rekod-keterangan">https://www.sinarharian.com.my/article/640161/berita/semasa/ugutan-rogol-polis-panggil-pelajar-tingkatan-dua-untuk-rekod-keterangan</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/lima-individu-direkod-keterangan-bantu-kes-ugutan-rogol-pelajar/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/lima-individu-direkod-keterangan-bantu-kes-ugutan-rogol-pelajar/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/pelajar-tingkatan-dua-dapat-ugutan-rogol-daripada-rakan-sebaya/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/pelajar-tingkatan-dua-dapat-ugutan-rogol-daripada-rakan-sebaya/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/12/18/polis-sudah-ambil-keterangan-suspek-ugut-rogol-pukul-pelajar-tingkatan-2/">https://malaysiagazette.com/2023/12/18/polis-sudah-ambil-keterangan-suspek-ugut-rogol-pukul-pelajar-tingkatan-2/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.therakyatpost.com/news/malaysia/2023/12/18/father-claims-daughter-harassed-by-autistic-student-at-school/">https://www.therakyatpost.com/news/malaysia/2023/12/18/father-claims-daughter-harassed-by-autistic-student-at-school/</a>	THERAKYATPOST.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1041837/kes-gangguan-seksual-pelajar-sekolah-polis-rakam-percakapan-suspek-hari-ini">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1041837/kes-gangguan-seksual-pelajar-sekolah-polis-rakam-percakapan-suspek-hari-ini</a>	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t @ kpwkm

19/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>PEMUDA ORANG ASLI LAKUKAN AMANG SEKSUAL DIHANTAR KE HENRY GURNEY</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/640228/berita/semasa/pemuda-orang-asli-lakukan-amang-seksual-dihantar-ke-henry-gurney">https://www.sinarharian.com.my/article/640228/berita/semasa/pemuda-orang-asli-lakukan-amang-seksual-dihantar-ke-henry-gurney</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1190549/saya-ikut-saja-keputusan-mahkamah-pesalah-amang-seksual">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1190549/saya-ikut-saja-keputusan-mahkamah-pesalah-amang-seksual</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1041911/saya-ikut-saja-keputusan-mahkamah-pesalah-amang-seksual">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1041911/saya-ikut-saja-keputusan-mahkamah-pesalah-amang-seksual</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/18/amang-seksual-pemuda-orang-asli-diperintah-ke-henry-gurney/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/18/amang-seksual-pemuda-orang-asli-diperintah-ke-henry-gurney/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/213918/malaysia/national/20-year-old-guilty-of-sexual-assault-sent-to-henry-gurney-school">https://www.sinardaily.my/article/213918/malaysia/national/20-year-old-guilty-of-sexual-assault-sent-to-henry-gurney-school</a>	SINARDAILY.COM
	<a href="https://thesun.my/cerita/lakukan-amang-seksual-pemuda-diperintah-ke-sekolah-henry-gurney-GA11881171">https://thesun.my/cerita/lakukan-amang-seksual-pemuda-diperintah-ke-sekolah-henry-gurney-GA11881171</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lakukan-amang-seksual-pemuda-diperintah-ke-sekolah-henry-gurney-450585">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lakukan-amang-seksual-pemuda-diperintah-ke-sekolah-henry-gurney-450585</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2255292">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2255292</a>	BERNAMA.COM



## JKM terima peruntukan RM35.8 juta hadapi banjir tahun ini



NANCY Shukri (dua kanan) diberi taklimat oleh Pengarah JKM Kelantan Said Sidup semasa mengadakan lawatan tinjauan di Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DSKB), Taman Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan hari ini-UTUSAN/ROSMIZAN RESDI.

KOTA BHARU: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerima peruntukan sebanyak RM35.8 juta untuk menghadapi bencana banjir semasa musim Monsun Timur Laut (MTL) tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia melibatkan peruntukan persekutuan sebanyak RM13.7 juta manakala RM22.1 juta untuk peruntukan negeri.

Menurutnya, selain itu sebanyak RM3 juta diberikan kepada JKM untuk pembelian makanan teknologi retort bagi kegunaan makanan mangsa dalam tempoh 24 jam pertama pembukaan pusat pemindahan sementara (PPS).

"JKM mempunyai lapan buah depoh, 137 stor negeri dan daerah, 60 mini depoh kontena selain 580 pangkalan hadapan yang menempatkan keperluan asas mangsa bencana.

"Empat peranan dan tanggungjawab utama JKM adalah menyediakan dan menyelenggara pusat pemindahan sementara mangsa bencana, menyediakan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa bencana.

"Selain itu, JKM juga menjalankan pendaftaran mangsa bencana untuk pemulihan dan memberi bimbingan termasuk nasihat kaunseling kepada mereka," katanya pada pemberita selepas mengadakan tinjauan di Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DSKB), Taman Kemumin di sini hari ini


Nancy memberitahu, JKM telah mengenal pasti dan menyediakan sebanyak 8,481 PPS di seluruh negara yang mampu menampung sebanyak 2.15 juta penduduk pada satu-satu masa.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 5,063 PPS merupakan premis sekolah dan selebihnya terdiri daripada balai raya dan masjid.

"Bagi melancarkan operasi di PPS, seramai 8,543 sukarelawan JKM digerakkan dan sebanyak 47,635 khemah (collapsible tent) telah disediakan untuk memberikan keselesaan kepada mangsa bencana.

"Selain itu, seramai 5,167 pegawai dan kakitangan sedia digerakkan pada bila-bila masa dengan dibantu seramai 157 kaunselor dan 864 pasukan sokongan psikologi (PST)," ujarnya.

**UTUSAN**



## Satu PPS di Kelantan ditutup, mangsa banjir menurun

Oleh Hidayatidayu Razali - Disember 18, 2023 @ 10:05pm  
bhnews@bh.com.my



Jumlah mangsa banjir di Kelantan berkurangan kepada 5,164 orang malam ini.- Foto Bernama


KOTA BHARU: Satu pusat pemindahan sementara (PPS) di jajahan Pasir Mas ditutup hari ini, menjadikan jumlah mangsa banjir di Kelantan berkurangan kepada 5,164 orang malam ini.

Kesemua mereka membabitkan 1,621 keluarga itu masih berlindung di 15 PPS di jajahan itu.

Portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mencatatkan, mangsa banjir paling ramai berlindung di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Rantau Panjang 2 seramai 1,192 daripada 409 keluarga.

Mangsa banjir turut berada di PPS di SK Gual To' Deh iaitu seramai 901 orang yang membabitkan 288 keluarga, PPS SK Gual Perioik (511 mangsa, 121 keluarga), PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Baroh Pial (477 orang, 189 keluarga) dan PPS SK Gual Tinggi (348 orang, 94 keluarga).

Sementara itu, laman web publicinfobanjir.water.gov.my melaporkan paras air Sungai Golok di Rantau Panjang menunjukkan trend menurun, namun masih melepasi paras bahaya dengan bacaan 9.83 meter (m) manakala Sungai Golok di Kuala Jambu, Tumpat melepasi paras waspada iaitu 2.31 m.



## Dakwaan tipu untuk dapatkan bantuan banjir disiasat

Hidayatidayu Razali  
am@hmetro.com.my



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri melawat Depoh Simpanan Keperluan Bencana di Taman Kemurnin, Pengkalan Chepa di sini, hari ini. FOTO Hidayatidayu Razali.

Kota Bharu: Dakwaan individu di Kelantan menipu untuk mendapatkan bantuan banjir sedang dalam siasatan, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Menurutnya, kementerian menyerahkan kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri untuk menyiasat dakwaan itu dan melakukan pemutihan.

"PKOB dengan kerjasama JKM siasat dahulu dan tidak melengahkan masalah yang hanya dakwaan. Kita lebih memberi tumpuan untuk bantu mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS).


"Kita tidak mahu (dakwaan penipuan) menjadi satu perkara utama kerana kita memikirkan perkara itu (penipuan mangsa banjir) tidak begitu berat. Yang berat itu, mahu memastikan keselamatan mangsa banjir.

"Perkara seperti ini (dakwaan) dibincang secara pentadbiran dan akan diambil tindakan secara pentadbiran, kalau ada... kalau penipuan, itu melibatkan pihak polis," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas lawatan ke Depoh Simpanan Keperluan Bencana di Taman Kemurnin, Pengkalan Chepa, di sini, hari ini yang turut dihadiri Timbalan Menteri, Datuk Seri Noraini Ahmad dan Pengarah JKM Kelantan, Said Sidup.

Terdahulu, media melaporkan sebilangan penduduk di Kelantan didakwa sanggup menipu dengan berpindah ke PPS semata-mata untuk mendapatkan bantuan banjir, sedangkan kediaman mereka tidak terkesan atau hanya terjejas sedikit.

Ada juga yang mendakwa terdapat mangsa banjir yang memanggil anak yang tinggal di luar daerah supaya pulang dan berpindah ke PPS untuk 'merebut' bantuan RM3,500 bagi setiap keluarga.



## | Ministry to continue to empower women, assures minister

POSTED ON DECEMBER 18, 2023, MONDAY AT 7:31 AM

SARAWAK



*Datuk Seri Nancy Shukri said the selected participants would continue to be monitored after six months of receiving assistance and undergoing courses run under National Welfare Foundation (YKN).— Bernama photo*

MUKAH (Dec 18): Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri has given assurance that her ministry (KWKPM) would continue all programmes meant to empower women.

They would include business capital assistance, guidance and motivational programmes, and matching women entrepreneurs with experienced mentors.


“A total of RM3.1 million in allocation has been set aside specifically to Sarawak for ‘Wanita Bangkit’ programme,” she spoke at an event in a hotel here yesterday, involving the symbolic handover of the ‘Wanita Bangkit’ programme to Deputy Economy Minister and Mukah MP Dato Hanifah Hajar Taib.

It is informed that to date, a total of 6,208 women have taken part in this programme, said to be have shown high effectiveness in that up to 90 per cent of that participants have managed to maintain good income by running their business from home.

Adding on, Nancy said the selected participants would continue to be monitored after six months of receiving assistance and undergoing courses run under National Welfare Foundation (YKN).

“The monitoring is meant to identify participants who would be referred to the next phase to business development, namely through the Women’s Income Generation Programme (Wejana) under the Women’s Development Department.

“The participants would also be referred to the Ministry of Entrepreneurs Development and Cooperatives, Tekun Nasional, and Amanah Ikhtiar Malaysia, making use of the assistance schemes available under them.”



## Wanita diarah jalani khidmat masyarakat 240 jam kerana tinggal anak tanpa jagaan

Bernama

Disember 18, 2023 18:15 MYT



*wanita itu didakwa dengan cuai telah meninggalkan tiga anak kandungnya yang ketika kejadian berusia enam, lapan dan 11 tahun tanpa jagaan. - Gambar hiasan*

**MELAKA:** Seorang ibu hari ini diperintah melaksanakan khidmat masyarakat selama 240 jam dalam tempoh enam bulan, kerana mengabaikan tiga anaknya, dua tahun lalu.

Hakim Mahkamah Sesyen Ayer Keroh Darmafikri Abu Adam, menjatuhkan hukuman itu terhadap wanita berumur 41 tahun itu, selepas mengaku bersalah atas dua pertuduhan pindaan.

Ibu kepada empat anak itu yang bekerja sebagai pembantu am sekolah juga dikenakan bon berkelakuan baik selama dua tahun, dengan jaminan RM7,000 di bawah Seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah.


Mengikut kedua-dua pertuduhan pindaan itu, wanita itu didakwa dengan cuai telah meninggalkan tiga anak kandungnya yang ketika kejadian berusia enam, lapan dan 11 tahun tanpa jagaan, yang mungkin menyebabkan ketiga-tiga anaknya mengalami kecederaan fizikal dan emosi.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di Taman Gadong Perdana dalam daerah Melaka Tengah antara 16 hingga 18 Jun 2021 dan 23 hingga 25 Sept 2021.

Pertuduhan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah akta sama, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda sehingga RM50,000 atau kedua-dua sekali jika sabit kesalahan.

Terdahulu, peguam Omar Zulkarnain yang mewakili tertuduh, merayu supaya mahkamah menjatuhkan hukuman ringan kepada anak guamnya dan memohon perintah bon berkelakuan baik dengan alasan wanita itu telah insaf.

Bagaimanapun Timbalan Pendakwa Raya Rashidah Baharom membantah permohonan itu, kerana dikhuatiri tidak mencapai sifat hukuman untuk menghalang masyarakat melakukan kesalahan sama.



## Guru agama didakwa lakukan amang seksual terhadap 5 pelajar lelaki

Oleh Nur Izzati Mohamad - Disember 18, 2023 @ 6:57pm  
bhnews@bh.com.my



Tertuduh yang berdepan pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap lima pelajar lelaki dibawa ke Mahkamah Sesyen Butterworth, hari ini. - Foto Nur Izzati Mohamad

BUTTERWORTH: Seorang guru agama didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap lima pelajar lelaki di sebuah pusat pengajian tahfiz, antara September 2022 hingga Jun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh yang berusia 29 tahun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas lima kertas pertuduhan dibacakan berasingan terhadapnya di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap seorang pelajar lelaki yang ketika itu berusia 13 tahun.

Kesalahan berkenaan didakwa dilakukan di sebuah rumah sewa di Tasek Gelugor pada jam 3 pagi, Jun lalu.

Sementara, pertuduhan kedua hingga kelima pula, tertuduh yang sudah berumahtangga didakwa melakukan perkara sama terhadap empat lagi pelajar lelaki yang ketika itu berusia 14 tahun.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di asrama tingkat bawah pusat tahfiz di Padang Menora, Tasek Gelugor antara Januari hingga September 2022.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan, jika sabit kesalahan akan dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Bagi hukuman bagi Seksyen 16 akta berkenaan tertuduh boleh dipenjara lima tahun dan boleh dikenakan sebatan tidak kurang dua kali.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Amira Ruzaini Wan Abdul Razak manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Imran Farouk.

Ketika prosiding, pihak pendakwaan memohon mahkamah tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh, namun dalam rayuan Mohd Imran meminta mahkamah memberikan ikat jamin atas alasan anak guamnya perlu menyara keluarga.

Zulhazmi kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin keseluruhan RM20,000 bagi kesemua pertuduhan dihadapinya, selain dikenakan syarat tambahan dengan tidak boleh mendekati atau mengganggu mangsa serta saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Kes akan disebut semula pada 17 Januari depan untuk serahan dokumen.



## Tidak mengaku amang seksual rakan

Zatul Iffah Zolkipli  
zatuliffah@hmetro.com.my



- Foto hiasan

Kuala Terengganu: Lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap rakan perempuannya.

Tertuduh, Muhammad Amir Hafiz Hazmi, 20, membuat pengakuan dan meminta dibicarakan di hadapan Hakim Nooriah Osman.

Muhammad Amir didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang berusia 15 tahun empat bulan di sebuah hotel di daerah ini antara 2 hingga 3 pagi, 18 November lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Intan Nor Hilwani Mat Rifin manakala tertuduh diwakili peguam, Ghazali Ismail.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dan syarat tambahan perlu melapor diri di balai polis berhampiran pada setiap bulan selain tidak boleh mengganggu mangsa dan saksi.

Kes itu disebut semula pada 18 Januari tahun depan



## Dakwaan gangguan seksual: Peguam tunggu hasil siasatan



Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM : 18 Disember 2023, 3:05 pm

PETALING JAYA: Peguam mewakili wanita yang mendakwa diganggu secara seksual oleh [Ketua Pengarah](#) sebuah agensi masih menunggu siasatan polis selesai sebelum kertas siasatan dihantar semula ke Pejabat Peguam Negara.

Peguam, Zaflee Pakwanteh berkata, pihaknya masih menunggu hasil siasatan dijalankan pihak polis untuk dihantar semula ke Pejabat Peguam Negara.

"Anak guam saya setakat ini telah dipanggil memberi keterangan.

"Jadi buat masa ini, kita masih menunggu hasil siasatan polis dan Pejabat Peguam Negara," katanya ketika dihubungi hari ini.

Bulan lalu, tular di media sosial mengenai laporan polis dibuat oleh mangsa yang juga penasihat pelaburan mendakwa diganggu secara seksual oleh individu berpangkat datuk yang merupakan Ketua Pengarah sebuah agensi keselamatan.

Mangsa mendedahkan mereka bertemu di pejabat suspek untuk menawarkan peluang pelaburan kewangan.


Bagaimanapun, suspek didakwa berterusan mengganggu mangsa dengan menghubungi dan cuba mengajak wanita itu ke hotel serta menghantar video berunsur lucah kepada mangsa.

Susulan itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dilaporkan berkata, pihaknya sudah pun membuka kertas siasatan susulan laporan diterima dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan (gangguan seksual).

Katanya, kes juga disiasat mengikut Seksyen 507A Kanun Keseksaan (kesalahan menghendap), Seksyen 292 Kanun Keseksaan (memiliki bahan lucah) dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955 (menggunakan perkataan kurang sopan).

30 November lalu, Razarudin mengesahkan pihaknya telah memanggil lima saksi bagi dirakam percakapan kes tersebut dan siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara.

– UTUSAN



## Pemuda Orang Asli lakukan amang seksual dihantar ke Henry Gurney

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN [Follow](#) 18 Disember 2023 02:24pm Masa membaca: 1 minit



Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur memerintahkan seorang pemuda Orang Asli ke Sekolah Henry Gurney di Telok Mas, Melaka kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun, pada Mac 2022 lalu. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR - Seorang pemuda Orang Asli diperintah ke Sekolah Henry Gurney di Telok Mas, Melaka oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin, kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun, pada Mac 2022 lalu.

Hakim, Tasnim Abu Bakar menjatuhkan hukuman tersebut, selepas pemuda berusia 20 tahun itu, mengaku bersalah atas tuduhan terbabit.

"Demi kepentingan awam dan tiada rekod jenayah lampau malah usia yang masih muda, kamu diperintah untuk ditahan di sekolah itu sehingga mencapai 21 tahun.

"Perintah berkenaan dibuat mengikut Seksyen 76 Akta Kanak-Kanak 2001," kata hakim itu.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan amang seksual terhadap mangsa, di tangga sebuah blok residensi di Wangsa Maju, pada jam 7 hingga 8 malam, 4 Mac tahun lalu.


**“  
Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 14(a) Akta  
Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017, yang  
memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun  
dan boleh disebat, jika disabitkan kesalahan.**

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Ikhwan Mohd Nasir mencadangkan, lelaki itu dikenakan hukuman setimpal.

"Mahkamah perlu kira faktor kepentingan awam dan hukuman perlu memberi kesedaran kepada tertuduh serta masyarakat," katanya.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam, menyerahkan keputusan berkenaan kepada pihak mahkamah.

"Saya ikut saja," rayu pemuda Orang Asli itu sebelum Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman.



TAJUK : IBU ABAI ANAK DIKENAKAN BON BERKALAKUAN BAIK, KHIDMAT MASYARAKAT

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 DIS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## Ibu abai anak dikenakan bon berkelakuan baik, khidmat masyarakat

**Melaka:** Pembantu am sekolah dikenakan bon berkelakuan baik bercagar berserta perintah khidmat masyarakat 240 jam oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam atas kesalahan mengabaikan tiga anak kandungnya tanpa jagaan, dua tahun lalu.

Hakim Darmafikri Abu Adam membuat keputusan itu selepas tertuduh, Masanizah Roslan, 40, mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan pindaan pada sebutan kes berkenaan semalam.

Ketika dituduh kali pertama pada Ogos tahun lalu, tertuduh tidak mengaku bersalah dan meminta dibicarakan atas dua pertuduhan itu, namun menukar pengakuan selepas kes dibicarakan.

Dalam penghakimannya, Darmafikri berkata, mahkamah mengambil kira fakta kes, rayuan dan hujah pendakwaan, selain kesalahan serius kerana membabitkan kanak-kanak yang juga anak kandung tertuduh.

"Tertuduh dengan ini dilepaskan dengan bon berkelakuan baik selama dua tahun bercagar RM7,000 dengan seorang penjamin mengikut peruntukan Seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah (KAJ).

"Selain itu, tertuduh juga diperintah melaksanakan khidmat masyarakat selama 240 jam dalam tempoh enam bulan bermula hari ini di bawah Seksyen 31(3A) Akta Kesalahan Kanak-Kanak 2001 (AKKK 2001).


"Jika gagal mematuhi peruntukan Seksyen 294 KAJ, tertuduh boleh dipanggil semula ke mahkamah dan dikenakan hukuman mengikut AKKK 2021," katanya.

Berdasarkan pertuduhan pindaan pertama dia didakwa dengan cuai meninggalkan tiga anaknya berusia 11 tahun, 8 tahun dan 6 tahun tanpa jagaan yang mungkin akan menyebabkan mereka mengalami kecederaan fizikal dan emosi.

Kesalahan berkenaan didakwa dilakukan di sebuah rumah di Taman Gadong Perdana, di sini antara 23 hingga 25 September 2021.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh berdepan dakwaan melakukan kesalahan serupa terhadap ketiga-tiga anak kandungnya itu di tempat sama sama pada 16 Jun sehingga 18 Jun 2021.

Kedua-dua pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau dengan kedua-duanya sekali.



TAJUK : KERAJAAN PERUNTUK RM35.8J HADAPI MONSUN TIMUR LAUT

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 DIS 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Kerajaan peruntuk RM35.8j hadapi Monsun Timur Laut



Nancy melawat Depoh Simpanan Keperluan Bencana di Taman Kemumin, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, semalam. (Foto Hidayatidayu Razali/BH)

**Kota Bharu:** Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM35.8 juta bagi menghadapi Monsun Timur Laut bagi tempoh tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri, berkata daripada jumlah itu, ia membabitkan peruntukan Persekutuan sebanyak RM13.7 juta dan negeri berjumlah RM22.1 juta.

Katanya, peruntukan berkenaan diberikan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk menyediakan keperluan kepada mangsa banjir.

"Pada masa sama, sebanyak RM3 juta diperuntukkan kepada JKJ untuk pembelian makanan teknologi retort bagi kegunaan mangsa banjir dalam tempoh 24 jam pertama pembukaan pusat pemindahan sementara (PPS).

"Selain itu, sebanyak 5,167 pegawai dan kakitangan sedia

digerakkan pada bila-bila masa dengan dibantu 157 kaunselor dan 864 pasukan sokongan psikologi (PST)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas lawatan ke Depoh Simpanan Keperluan Bencana di Taman Kemumin, Pengkalan Chepa di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menterinya, Datuk Seri Noraini Ahmad dan Pengarah JKJ Kelantan, Said Sidup.

Nancy berkata, bagi melancarkan operasi di PPS, seramai 8,543 sukarelawan JKJ sedia untuk digerakkan.


"Kementerian juga mempunyai beberapa rakan strategik daripada agensi kerajaan dan swasta seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Malaysia

(APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Yayasan Petronas, Yayasan Sime Darby dan Gardena Barkeries yang bersedia menyumbang dari segi logistik, barangan keperluan dan sebagainya.

"JKM juga mempunyai lapangan depoh, 137 stor negeri/daerah, 60 mini depoh kontena dan 580 pangkalan hadapan yang menempatkan keperluan asas mangsa bencana.

"Kementerian juga menyediakan sebanyak 8,481 PPS di seluruh Malaysia yang mampu menampung 2.15 juta penduduk pada satu-satu masa.

"Sebanyak 5,063 PPS adalah sekolah manakala baki terdiri daripada balai raya, masjid dan sebagainya. Bagi pengoperasian di PPS, sebanyak 47,635 *collapsible tent* disediakan untuk memberikan keselesaan kepada mangsa," katanya.



TAJUK : YAYASAN ORPHANCARE SELAMATKAN 550 BAYI

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 19 DIS 2023

M/SURAT : 23

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Yayasan OrphanCare selamatkan 550 bayi

## Baby Hatch turut bantu keluarga dapatkan anak angkat melalui saringan ketat

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi  
[bhmews@bh.com.my](mailto:bhmews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Yayasan OrphanCare sudah menyelamatkan seramai 550 bayi sejak 2008 dengan purata tiga hingga empat bayi sebulan.

Pengerusi Yayasan OrphanCare, Tan Sri Faizah Mohd Tahir, berkata daripada jumlah itu kira-kira 70 peratus bayi berkenaan diambil untuk dijadikan sebagai anak angkat oleh keluarga yang disaring dengan teliti.

"Sebanyak 30 peratus lagi bayi dijaga oleh ibu kandung mereka sendiri selepas mendapat

bimbingan daripada yayasan," katanya pada majlis ulang tahun Yayasan OrphanCare Ke-15 di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Penaung Yayasan OrphanCare, Cik Puan Besar Kalsom Abdullah dan Ahli Majlis Tertinggi Yayasan Sime Darby, Puan Sri Normah Hashim.

Baby Hatch ditubuhkan sejak 2010 untuk membantu menyelamatkan bayi dibuang ibu dan mencari ibu bapa angkat bagi bayi yang tinggalkan atau tidak mampu dijaga ibu kandung.

Faizah berkata, usaha dilakukan Yayasan OrphanCare semakin mendapat tempat dan ketika ini terdapat ramai keluarga yang sudah mendaftar dengan yayasan itu.

Malah katanya, ketika ini terdapat kira-kira 100 keluarga dalam senarai menunggu untuk mendapatkan anak angkat.

Justeru katanya, yayasan itu yang bermula dengan empat kakitangan, kini sudah mempunyai seramai 18 kakitangan di tiga cawangan iaitu di Petaling Jaya;



Cik Puan Besar Kalsom (empat dari kanan) bersama Faizah (tengah) pada majlis ulang tahun Yayasan OrphanCare ke-15 di Kuala Lumpur, baru-baru ini. (Foto Fathil Asri/BH)



Yayasan OrphanCare melalui inisiatif Baby Hatch berjaya menyelamatkan lebih 550 bayi sepanjang 13 tahun penubuhannya.

Johor Bahru dan Sungai Petani.

"Perjalanan selama 15 tahun yayasan ini bukan suatu yang mudah terutama apabila memabatkan pembiayaan supaya usaha yang dilakukan ini berterusan.

"Namun, dengan matlamat utama untuk membantu anak-anak kurang bernasib baik ini dijaga keluarga angkat yang benar-benar

inginkan cahaya mata, saya yakin usaha kami akan berterusan sama seperti misi kami, memberikan harapan kepada anak-anak melalui keluarga penyanggah," katanya.

**Bayi dibuang meningkat**

Beliau berharap, ramai pihak akan melihat usaha dilakukan mereka sekali gus turut sama

membantu terutama dari segi pembiayaan.

Normah berkata, Yayasan Sime Darby sudah menjalinkan kerjasama erat dengan Yayasan OrphanCare sejak sembilan tahun lalu.

Katanya, usaha dilakukan kedua-dua yayasan itu memberi harapan kepada anak yatim, bayi tidak diinginkan dan ibu tunggal yang mengandung untuk mendapatkan pelbagai bantuan seperti proses pengambilan anak angkat, penyahinstitusi dan kaunseling.

"Oleh kerana statistik bayi malang yang dibuang terus berada dalam keadaan membimbangkan, Yayasan Sime Darby amat berharap lebih ramai individu, syarikat dan organisasi bekerjasama dengan kami untuk menyokong usaha dilakukan Yayasan OrphanCare ketika ini.

"Saya berharap usaha ini akan dijalankan berterusan supaya dapat memberi kesan positif kepada masyarakat terutama dalam kehidupan mereka yang memerlukan," katanya.



TAJUK : SUSPEK SUDAH DIPANGGIL, DIRAKAM PERCAKAPAN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 19 DIS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## PELAJAR PEREMPUAN DAKWA DIPUKUL, UGUT ROGOL

# Suspek sudah dipanggil, dirakam percakapan

**Shah Alam:** Polis merakam keterangan suspek yang disyaki terbabit kes gangguan seksual terhadap seorang pelajar perempuan sebuah sekolah menengah di daerah ini, semalam.

Ketua Polis Daerah Shah Alam Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, pihaknya menerima laporan dari mangsa berhubung kejadian itu pada 15 Disember lalu.


“Siasatan mendapati mangsa pelajar tingkatan

dua di sebuah sekolah di sini.

“Mangsa menerima ugutan rogol dan dipukul pada bahagian dada oleh seorang pelajar lelaki tingkatan dua yang dikenali dari sekolah sama.

“Mangsa sudah mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaysia (PPUM) bagi merawat kecederaan yang dialaminya.

“Suspek sudah dipanggil untuk diambil rakaman percakapan,” katanya dalam kenyataan, semalam.



TAJUK : GOVT ALLOCATES RM35.8 MLN TO DEAL WITH FLOODS DURING NORTH-EAST MONSOON

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 19 DIS 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Govt allocates RM35.8 mln to deal with floods during north-east monsoon

**KOTABHARU:** The government has allocated RM35.8 million to the Social Welfare Department (JKM) to deal with floods during the north-east monsoon in 2023 and 2024.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said JKM has also allocated RM3 million for the purchase of retort packaging technology (food can last 24 months without refrigeration) to supply food to flood victims within 24 hours.

"In addition, a total of 5,167 officers and staff are ready to be mobilised at any time with the help of 157 counsellors and 864 psychological support teams (PST).

"To launch operations at PPS, a total of 8,543 JKM volunteers are also ready to be mobilised," she said after visiting the Community Welfare Department's (JKM) Storage Depot near Pengkalan Chepa here yesterday.

Nancy said for the evacuation centre operation, a total of 47,635 collapsible tents have


been prepared to provide comfort for flood victims, involving 8,481 PPS identified across the country and capable of accommodating as many as 2.15 million evacuees at any one time.

"Thus far, JKM has eight depots, 137 stores in districts, 60 mini-container depots and 580 forward bases to accommodate the basic needs of flood victims," she said.

Meanwhile, when asked to comment on the alleged fraud of a few flood victims registered at PPS, Nancy said the matter would be handed over to the Disaster Operations Control Centre (PKOB) for further action.

"This matter involves several agencies under PKOB and surely they know more about the situation during floods in the areas where it happened.

"Therefore, we hope that community leaders also play an important role in helping government and state agencies to submit true and authentic reports about flood victims," she said. — Bernama



TAJUK :	STATEMENTS TAKEN OVER SEXUAL HARASSMENT REPORT		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	19 DIS 2023	M/SURAT :	03
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Statements taken over sexual harassment report

**SHAH ALAM:** Police have recorded the statements of five people, including the alleged suspect, following a sexual harassment report lodged by a student.

Shah Alam OCPD Asst Comm Mohd Iqbal Ibrahim said yesterday that statements were recorded from the suspect in question, and other witnesses.

“Further statement recordings will be conducted as soon as possible as many witnesses and teachers had returned to their hometowns due to the school holidays. CCTV footage at the scene has also been obtained and is currently being analysed.

“A request for the medical report (of the victim) has been made and will be obtained as soon as possible,” he said.

On Dec 15, the victim, a Form Two student, lodged a report over the alleged harassment. Her father also posted online about the incident, which led to it being share widely on social media.

She had allegedly been threatened that she would be raped by a schoolmate, and had been beaten by him as well, leading to injuries to her chest area.